

12/07/1998

Imam boleh bantu sedarkan bahaya Aids

KUALA LUMPUR: Pemimpin masyarakat dan imam boleh membantu meningkatkan lagi program kemasyarakatan di setiap kariah dengan menimbulkan kesedaran terhadap bahaya penyakit Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (Aids) dan penagihan dadah.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata program komuniti yang membabitkan imam dan pemimpin masyarakat sudahpun dilaksanakan di Uganda.

Sehubungan itu, katanya, langkah seumpama itu boleh dijadikan contoh oleh negara ini dalam usaha meningkatkan lagi kesedaran masyarakat terhadap bahaya Aids dan kesan penagihan dadah.

Beliau berkata, melalui program itu, imam dan pemimpin masyarakat bertanggungjawab membimbing masyarakat, khususnya generasi muda supaya menjauhkan diri daripada gejala sosial itu.

"Program komuniti yang dilaksanakan di Uganda berjaya dilaksanakan dengan berkesan dan sehingga sekarang terus mendapat sambutan masyarakat negara itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Sehati Sejiwa Bersama Datin Paduka Marina di rumah Pengasih, di sini, tengah hari semalam.

(END)